




KATALOG

SUMBER TANAH & ALAM SEKITAR



ISI KANDUNGAN

PENGURUSAN SUMBER TANAH DAN ALAM SEKITAR - SIRI 1

JABATAN PERTANIAN (01 -10)

(PETA TERHAD)

Peta Indeks Hujan Pertanian	01
Peta Fisiografi Tanah	02
Peta Guna Tanah	03
Peta Kelas Kesesuaian Tanah	04
Peta Kesesuaian Tanah	05
Peta Risiko Hakisan Tanah	06
Peta Tinjauan Tanah Tanih	07
Peta Zon Agro-Ekologi	08
Peta Zon Kesesuaian Tanaman	09
Peta Tekstur Tanah	10

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (11-26)

(PETA TERHAD)

Peta Topografi Semenanjung Malaysia Siri MY701T 1:5,000 & 1:10,000	11
Peta Topografi Sabah, Sarawak dan WP Labuan MY711T 1:5,000 & 10,000	12
Ortofoto Siri MY701P 1:5,000 & 1:10,000	13
Ortofoto Siri MY711P 1:10,000	14
Model Permukaan Digital : DSM Semenanjung Malaysia (Siri DSM MY501T)	15
Model Permukaan Digital : DSM Sabah dan Sarawak (Siri DSM MY511T)	16
Model Permukaan Digital : DTM Semenanjung Malaysia (Siri DTM : MY501T)	17
Model Permukaan Digital : DTM Sabah dan Sarwak (Siri DTM : MY511T)	18

ISI KANDUNGAN

PENGURUSAN SUMBER TANAH DAN ALAM SEKITAR - SIRI 1


(PETA TIDAK TERHAD)

Peta Topografi Semenanjung Malaysia Siri MY502A	19
Peta Topografi Sabah, Sarawak Siri MY512A	20
Peta Topografi Semenanjung Malaysia Siri MY701A 1:5,000 & 1:10,000	21
Peta Topografi Sabah, Sarawak dan WP Labuan MY711A 1:5,000 & 10,000	22
Peta Negeri Semenanjung Siri MY90005R	23
Peta Negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan Siri MY91005R	24
Peta Daerah Semenanjung Siri MY90001R	25
Peta Daerah Sabah dan Sarawak Siri MY91001R	26

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA (27-30) (PETA TERHAD)

Peta Geologi Semenanjung Malaysia	27
Peta Geologi Negeri Sabah	28
Peta Geologi Negeri Sarawak	29
Peta Seismotektonik Malaysia	30

PETA INDEKS HUJAN PERTANIAN



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta Indek Hujan Pertanian (ARI) merupakan kolaborasi Jabatan Pertanian dan Jabatan Meteorologi Malaysia sebagai petunjuk dalam menentukan kedapatan air hujan untuk pertanian di sesuatu kawasan. Peta ini menggunakan data hujan bulanan selama tempoh 25 tahun bagi 209 stesen hujan di Semenanjung Malaysia. Analisis data hujan dikategorikan kepada 3 kelas iaitu kering, lembab dan basah di seluruh Semenanjung bagi membantu penentuan jenis tanaman yang sesuai, jadual penanaman dan aktiviti ladang yang lain berdasarkan risiko musim kering atau banjir. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

1989 (*Revised* 2017)

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA FISIOGRAFI TANAH



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta ini menunjukkan maklumat fizikal geografi tanah. Peta ini boleh diperolehi bagi seluruh Semenanjung Malaysia pada skala 1:750,000 atau pada skala tertentu mengikut negeri, daerah, kawasan atau jenis-jenis sumber yang diperlukan. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2002

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA GUNA TANAH



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Guna Tanah 2018 siap dikemaskini oleh Jabatan Pertanian pada tahun 2020. Peta ini dikemaskini berpanduan maklumat daripada Peta Guna Tanah Semenanjung Malaysia 2015 melalui interpretasi imej satelit SPOT 6 (resolusi 1.5 meter) dan pengesahan guna tanah di lapangan. Peta ini mengandungi maklumat lokasi, taburan dan keluasan kawasan perbandaran, kawasan pertanian seperti perkebunan, buah-buahan dan sayuran, kawasan ternakan, kawasan hutan dan badan air. Maklumat yang terkandung di dalam peta ini berguna bagi tujuan perancangan pembangunan kawasan pertanian, infrastruktur, penyelidikan, analisis perubahan guna tanah Semenanjung Malaysia serta kajian impak alam sekitar. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2020

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA KELAS KESESUAIAN TANAH



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta Kelas Kesesuaian Tanah Semenanjung Malaysia adalah peta yang menunjukkan kelas-kelas kesesuaian tanah. Terdapat 5 kelas kesesuaian tanah yang dikenalpasti melalui bilangan dan tahap keseriusan (*degree of severity*) limitasi tanah (rujuk Peta Kesesuaian Tanah). Tanah-tanah di dalam satu kelas kesesuaian tanah adalah sama dari segi darjah keseriusannya tetapi berbeza dari segi jenis limitasi untuk pertanian. Definisi bagi Kelas 1 iaitu tanah yang tiada limitasi atau limitasi kecil kepada tumbesaran tanaman. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2002

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA KESESUAIAN TANAH



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta ini menunjukkan kelas kesesuaian tanah dan limitasi tanah di sesuatu kawasan. Peta ini dibangunkan berdasarkan Peta Tanah Tinjauan berskala 1:500,000. Kesesuaian tanah mengikut siri-siri tanah disediakan mengikut buku *Soil Crop Suitability Classification for Peninsular Malaysia (Revised)*, Department of Agriculture, November 1986, Ministry of Agriculture Malaysia. Peta Kesesuaian Tanah Semenanjung Malaysia menunjukkan kelas kesesuaian tanah dan sub kelas tanah untuk tanaman. Terdapat 5 kelas kesesuaian tanah iaitu kelas 1 hingga 5. Sub kelas kesesuaian tanah menunjukkan 10 ciri-ciri limitasi tanah iaitu kedalaman ke lapisan asid sulfat (a), kedalaman ke lapisan padat (c), saliran (D-tersangat salir, d-sangat kurang salir), kecerunan (G), ketidakseimbangan nutrien (N-ketidakseimbangan nutrien yang sangat serius, n-ketidakseimbangan nutrien), keberbatuan (R-tiada keberbatuan pada lapisan 0-25cm, r-tiada keberbatuan pada lapisan 0-50cm), ketebalan lapisan organik (o), kemasinan (s), struktur dan tekstur tanah (T-tektur kasar, t-tektur halus) serta kawasan yang telah diterokai (H) seperti aktiviti perlombongan (m) dan perbandaran (u). Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2002

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA RISIKO HAKISAN TANAH



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta ini menunjukkan maklumat kelas risiko hakisan tanah yang dianggap menggunakan persamaan *Universal Soil Loss Equation* (USLE) berdasarkan 'worst case scenario' iaitu keadaan di mana tiada sebarang kawalan hakisan atau tanaman di tanah tersebut. Kadar hakisan adalah dalam unit tan/hektar/tahun menggunakan persamaan $A=RKLS\overline{C}$. Peta ini menggunakan Peta Tinjauan Tanah Tanih dan Peta Kelas Teren sebagai peta asas dan sebahagiannya telah dikemaskini menggunakan peta tanah separa lengkap. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

1989 (revised 2014)

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA TINJAUAN TANAH TANIH



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta Tinjauan Tanah Tanih semakan tahun 2002 dihasilkan dengan menggunakan peta topografi sebagai peta asas. Setiap poligon di dalam peta tersebut mewakili sama ada setiap satu siri tanah atau gabungan beberapa siri tanah. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2002

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA ZON AGRO-EKOLOGI (AGRO- ECOLOGICAL ZONATION- AEZ)



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta AEZ semakan tahun 2021 dihasilkan dengan menggunakan peta tanah dan peta guna tanah sebagai peta asas. Peta ini menggunakan data hujan bagi tempoh 30 tahun lalu daripada Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM) untuk melihat kesesuaian tanaman berdasarkan faktor iklim seperti keperluan air dan topografi. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

30 April 2002 (revised 2021)

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA ZON KESESUAIAN TANAMAN



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta Zon Kesesuaian Tanaman menunjukkan taburan tanah yang sesuai mengikut jenis tanaman berdasarkan penentuan kesesuaian tanaman yang dinilai dari segi maklumat tanah dan *terrain*. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD

Tarikh

2002

Penerbit

Jabatan Pertanian

CONTOH



Maklumat Identifikasi


Klasifikasi

Tarikh

Penerbit

Jabatan Pertanian

PETA TOPOGRAFI SEMENANJUNG MALAYSIA SIRI MY701T 1:5,000 & 1:10,000



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Topografi Terhad berskala 1:5,000 & 1:10,000 merupakan peta yang meliputi kawasan seluruh Semenanjung Malaysia. Peta ini diterbitkan bagi kegunaan awam berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan merangkumi ciri-ciri seperti rupa muka bumi semulajadi, ciri-ciri buatan, hidrografi, *hypsoграфи*, *demarcation* dan *relief* beserta anotasi. Peta ini juga mempunyai rujukan garisan grid dan garisan kontur. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Sebanyak 329 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi peta-peta ini boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM. Permohonan peta ini adalah tertakluk kepada prosedur pembelian dokumen geospasial terperingkat. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA TOPOGRAFI SABAH, SARAWAK & WP LABUAN SIRI MY711T 1:5,000 & 10,000



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Topografi Terhad berskala 1:5,000 & 1:10,000 merupakan peta yang meliputi kawasan seluruh Sabah & Sarawak. Peta ini diterbitkan bagi kegunaan awam berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan merangkumi ciri-ciri seperti rupa muka bumi semulajadi, ciri-ciri buatan, hidrografi, *hypsografi*, *demarcation* dan *relief* beserta anotasi. Peta ini juga mempunyai rujukan garisan gris dan garisan kontur. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Sebanyak 255 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi peta-peta ini boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM. Permohonan peta ini adalah tertakluk kepada prosedur pembelian dokumen geospasial terperingkat. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD

Tarikh


Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

ORTOFOTO

SIRI MY701P 1:5,000 & 1:10,000



METADATA

Maklumat Identifikasi

Ortofoto merupakan gambar udara digital yang mana setiap piksel geometrinya telah diperbetulkan dan diberi rujukan geografi. Ortofoto merupakan struktur data raster. Ortofoto juga dikategorikan sebagai Dokumen Geospasial Terperingkat. Ortofoto ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati Malaya @ Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia) (MRSO), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Terdapat sebanyak 410 lembar (1:5,000) dan 668 lembar (1:10,000) telah diterbitkan. Senarai lembar bagi gambar digital tersebut boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD

Tarikh

Sila merujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

ORTOFOTO SIRI MY711P 1:10,000



METADATA

Maklumat Identifikasi

Gambar udara digital yang mana piksel geometri telah diperbetulkan dan diberi rujukan geografi. Merupakan struktur data raster. Ortofoto ini dikategorikan sebagai Dokumen Geospasial Terperingkat. Ortofoto ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati Borneo @ Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Terdapat sebanyak 1,567 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi gambar digital tersebut boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

Sila merujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

MODEL PERMUKAAN DIGITAL: DSM SEMENANJUNG MALAYSIA (SIRI DSM MY501T)



METADATA

Maklumat Identifikasi

JUPEM membekal data model permukaan digital atau *Digital Surface Model (DSM)* yang mewakili permukaan bumi dengan ketinggian purata aras laut termasuk semua objek di atasnya sama ada semula jadi dan buatan manusia meliputi pokok, bangunan dan ciri-ciri lain di atas tanah. Data ini dibekalkan pada sela ufuk setiap 10 meter. Produk Model Permukaan Digital boleh digunakan dalam penjaan grafik tiga dimensi yang memaparkan kecerunan rupa bentuk bumi, aspek (arah kecerunan) dan profil rupa bentuk bumi di antara titik-titik yang dipilih. Model ini telah disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati Malaya @ Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia) (MRSO), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2008 dan 2017

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

MODEL PERMUKAAN DIGITAL : DSM SABAH DAN SARAWAK (SIRI DSM : MY511T)



METADATA

Maklumat Identifikasi

JUPEM membekal data Model Permukaan Digital atau *Digital Surface Model* (DSM) yang mewakili permukaan bumi dengan ketinggian purata aras laut termasuk semua objek di atasnya samada semula jadi dan buatan manusia meliputi pokok, bangunan dan ciri-ciri lain di atas tanah. Data ini dibekalkan pada sela ufuk setiap 10 meter. Produk Model Permukaan Digital ini boleh digunakan dalam penjana grafik tiga dimensi yang memaparkan kecerunan rupa bentuk bumi, aspek (arah kecerunan) dan profil rupa bentuk bumi di antara titik-titik yang dipilih. Peta ini telah disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati Borneo @ Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) (BRSO), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2008, 2019 (Sebahagian Sabah), 2021 (Sebahagian Sarawak)

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

MODEL PERMUKAAN DIGITAL : DIGITAL TERRAIN MODEL (DTM) SEMENANJUNG MALAYSIA (SIRI DTM : MY501T)



METADATA

Maklumat Identifikasi

JUPEM membekal data Model Paramuka Digital atau *Digital Terrain Model (DTM)* yang mewakili permukaan bumi dengan ketinggian purata aras laut tidak termasuk semua objek di atasnya. Dengan kata lain semua ciri-ciri semula jadi dan buatan manusia akan dihapuskan daripada permukaan atas tanah dengan mengambil kira butiran *breakline* (perubahan minimum butiran) seperti garisan pisahan antara objek atas tanah dan badan air. Data ini dibekalkan pada sela ufuk setiap 10 meter. Produk Model Paramuka Digital boleh digunakan dalam penjana grafik tiga dimensi yang memaparkan kecerunan rupa bentuk bumi, aspek (arah kecerunan) dan profil rupa bentuk bumi di antara titik-titik yang dipilih. Model ini telah disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati Malaya @ Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia) (MRSO), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2008 dan 2017

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

MODEL PARAMUKA DIGITAL : DIGITAL TERRAIN MODEL (DTM) SABAH DAN SARAWAK (SIRI DTM : MY511T)



METADATA

Maklumat Identifikasi

JUEM membekal data Model Paramuka Digital atau *Digital Terrain Model* (DTM) yang mewakili permukaan bumi dengan ketinggian purata aras laut tidak termasuk semua objek di atasnya. Dengan kata lain semua ciri-ciri semula jadi dan buatan manusia akan dihapuskan dari permukaan atas tanah dengan mengambil kira butiran *breakline* (perubahan minimum butiran) seperti garisan pisahan antara objek atas tanah dan badan air. Data ini dibekalkan pada sela ufuk setiap 10 meter. Produk Model Paramuka Digital boleh digunakan dalam penjana grafik tiga dimensi yang memaparkan kecerunan rupa bentuk bumi, aspek (arah kecerunan) dan profil rupa bentuk bumi di antara titik-titik yang dipilih. Model ini telah disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati Borneo @ Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) (BRSO), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2008, 2019 (Sebahagian Sabah) dan 2021(Sebahagian Sarawak)

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA TOPOGRAFI SEMENANJUNG MALAYSIA SIRI MY502A



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Topografi Tidak Terhad berskala 1:50,000 merupakan peta yang meliputi kawasan seluruh Semenanjung Malaysia. Peta ini diterbitkan bagi kegunaan awam berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan merangkumi ciri-ciri seperti rupa muka bumi semulajadi, ciri-ciri buatan, hidrografi, *hypsografi*, *demarcation* dan *relief* beserta anotasi. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Sebanyak 264 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi peta-peta ini boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA TOPOGRAFI SABAH & SARAWAK DAN WP LABUAN SIRI MY512A



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Topografi Tidak Terhad berskala 1:50,000 merupakan peta yang meliputi kawasan seluruh Sabah dan Sarawak. Peta ini diterbitkan bagi kegunaan awam berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan merangkumi ciri-ciri seperti rupa muka bumi semulajadi, ciri-ciri buatan, hidrografi, *hypsografi*, *demarcation* dan *relief* beserta anotasi. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Sebanyak 399 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi peta-peta ini boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM.

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA TOPOGRAFI SEMENANJUNG MALAYSIA SIRI MY701A 1:5,000 & 1:10,000



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Topografi Tidak Terhad berskala 1:5,000 dan 1:10,000 merupakan peta yang meliputi kawasan seluruh Semenanjung Malaysia. Peta ini diterbitkan bagi kegunaan awam berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan merangkumi ciri-ciri seperti rupa muka bumi semulajadi, ciri-ciri buatan, hidrografi, *hypsografi*, *demarcation* dan *relief* beserta anotasi. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Sebanyak 303 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi peta-peta ini boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM.

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA TOPOGRAFI SABAH, SARAWAK & WP LABUAN SIRI MY711A 1:5,000 & 1:10,000



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Topografi Tidak Terhad berskala 1:5,000 dan 1:10,000 merupakan peta yang meliputi kawasan seluruh Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan. Peta ini diterbitkan bagi kegunaan awam berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan merangkumi ciri-ciri seperti rupa muka bumi semulajadi, ciri-ciri buatan, hidrografi, *hypsografi*, *demarcation* dan *relief* beserta anotasi. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan), Sferoid GRS 80 dan Datum GDM2000. Sebanyak 254 lembar telah diterbitkan dan senarai lembar bagi peta-peta ini boleh dirujuk melalui portal eBIZ JUPEM

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA NEGERI SEMENANJUNG SIRI MY90005R



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta Negeri merupakan peta tematik yang memaparkan maklumat pentadbiran negeri, daerah/jajahan dan mukim dipersembahkan dalam warna yang berbeza serta dianotasikan. Antara maklumat yang dipaparkan adalah pengangkutan, pelbagai binaan, hidrografi, sempadan dan status tempat. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia) Sferoid GRS 80, Datum GDM2000.

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA NEGERI SABAH, SARAWAK & WP LABUAN SIRI MY91005R



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Peta Negeri merupakan peta tematik yang memaparkan maklumat pentadbiran negeri, bahagian, daerah dan daerah kecil dipersembahkan dalam warna yang berbeza serta dianotasikan. Antara maklumat yang dipaparkan adalah pengangkutan, pelbagai binaan, hidrografi, sempadan dan status tempat. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) Sferoid GRS 80, Datum GDM2000.

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA DAERAH SEMENANJUNG SIRI MY90001R



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Daerah merupakan peta tematik yang memaparkan maklumat pentadbiran daerah dalam sesebuah negeri. Kawasan pentadbiran seperti daerah/jajahan, mukim, pekan dan bandar dipersembahkan dalam warna yang berbeza dan dianotasikan. Antara maklumat yang dipaparkan adalah termasuk Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya (JKR), jalan keretapi dan sungai. Lain-lain maklumat seperti balai polis, hospital, bangunan kerajaan, sekolah dan kemudahan lain ditunjukkan sebagai simbol tematik mengikut lokasinya. Kawasan penting melibatkan sebahagian ibu daerah ditandakan dengan kotak garisan putus di peta utama dan dimasukkan peta inset dalam skala 1:10,000. Maklumat jalan, bangunan kediaman dan pentadbiran serta kemudahan lain yang lebih terperinci ditunjukkan dalam bentuk simbol tematik dan dianotasikan. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Semenanjung Malaysia) Sferoid GRS 80, GDM2000.

Klasifikasi

TIDAK TERHAD

Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA DAERAH SABAH, SARAWAK DAN WP LABUAN SIRI MY91001R



METADATA

Maklumat Identifikasi

Peta Daerah merupakan peta tematik yang memaparkan maklumat pentadbiran daerah dalam sesebuah negeri. Kawasan pentadbiran seperti bahagian, daerah, daerah kecil, pekan dan bandar dipersembahkan dalam warna yang berbeza dan dianotasikan. Antara maklumat yang dipaparkan adalah termasuk Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya (JKR), jalan keretapi dan sungai. Lain-lain maklumat seperti balai polis, hospital, bangunan kerajaan, sekolah dan kemudahan lain ditunjukkan sebagai simbol tematik mengikut lokasinya. Kawasan penting melibatkan sebahagian ibu daerah ditandakan dengan kotak garisan putus di peta utama dan dimasukkan peta inset dalam skala 1:10,000. Maklumat jalan, bangunan kediaman dan pentadbiran serta kemudahan lain yang lebih terperinci ditunjukkan dalam bentuk simbol tematik dan dianotasikan. Peta ini disusun di atas Unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) Sferoid GRS 80, Datum GDM2000.

Klasifikasi

TIDAK TERHAD


Tarikh

Sila rujuk kepada portal eBIZ JUPEM

Penerbit

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

PETA GEOLOGI SEMENANJUNG MALAYSIA



METADATA

Maklumat Identifikasi

Ini adalah Peta Geologi Semenanjung Malaysia; Edisi ke-9 2014. Peta ini mengandungi poligon unit batuan umum, garisan kejadian sesar, carta korelasi stratigrafi dipermudahkan dan ringkasan geologi Semenanjung Malaysia. Setiap unit batuan dibezakan mengikut tempoh umur dan jenis litologi menggunakan warna dan corak yang berbeza. Empat unit litologi utama diterangkan sebagai sedimen, batu enapan, batu metamorfik dan batu igneus. Skala peta ini adalah 1:750,000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2014

Penerbit

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

PETA GEOLOGI NEGERI SABAH



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Ini adalah Peta Geologi Negeri Sabah; Edisi ke-4 2015. Peta ini mengandungi poligon unit batuan umum, garisan kejadian sesar, carta korelasi stratigrafi dipermudahkan dan ringkasan geologi Negeri Sabah. Setiap unit batuan dibezakan mengikut tempoh umur dan jenis litologi menggunakan warna dan corak yang berbeza. Empat unit litologi utama diterangkan sebagai sedimen, batu enapan, batu metamorfik dan batu igneus. Skala peta ini adalah 1:500,000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2015

Penerbit

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

PETA GEOLOGI NEGERI SARAWAK



METADATA

Maklumat Identifikasi

Ini adalah Peta Geologi Sarawak; Edisi ke-3 2013. Peta ini mengandungi poligon unit batuan umum, garisan kejadian sesar, carta korelasi stratigrafi dipermudahkan dan ringkasan geologi Sarawak. Setiap unit batuan dibezakan mengikut tempoh umur dan jenis litologi menggunakan warna dan corak yang berbeza. Empat unit litologi utama diterangkan sebagai sedimen, batu enapan, batu metamorfik dan batu igneus. Skala peta ini adalah 1:750,000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD


Tarikh

2013

Penerbit

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

PETA SEISMOTEKTONIK MALAYSIA



METADATA

Maklumat
Identifikasi

Ini adalah Peta Seismotektonik Malaysia; Edisi ke-5 2009. Peta ini mengandungi kerangka seismotektonik Malaysia dan ringkasan geologi Malaysia. Skala peta ini adalah 1:2,500,000. Bagi mendapatkan DATA TERHAD, pemohon perlu menjalani prosedur tapisan keselamatan yang ditetapkan.

Klasifikasi

TERHAD

Tarikh

2009

Penerbit

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

PENGHARGAAN

**Jawatankuasa Audit Keselamatan Data
Geospatial (JAKG)**

Jabatan Pertanian (DOA)

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

Pusat Geospatial Negara (PGN)



PENAFIAN: PENERBIT tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penyalahgunaan maklumat yang dipaparkan

Diterbitkan oleh:
Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sumber Tanah
dan Alam Sekitar (JTPSTAS)

Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN)